



SIARAN MEDIA

FESTIVAL MAKANAN IKONDESA@PUTRAJAYA ANGKAT CITARASA WARISAN MALAYSIA

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) terus memperkukuh akses pasaran produk desa dengan mengangkat citarasa warisan Malaysia menerusi penganjuran Festival Makanan IKONDESA@Putrajaya iaitu inisiatif yang menyediakan pelantar akses pasaran melalui penubuhan pusat jualan fizikal di bandar, sekali gus berperanan sebagai hab pemasaran dan jualan produk desa keluaran usahawan bimbingan KKDW. IKONDESA juga merupakan salah satu daripada 42 inisiatif *Game Changer* KKDW Tahun 2025 yang memberikan fokus kepada pemerikasaan ekonomi desa secara mampan.

Sebagai usaha berterusan mempromosikan produk makanan desa serta memperkenalkan kekayaan gastronomi tradisional kepada masyarakat, KKDW menerusi IKONDESA@Putrajaya akan menganjurkan Festival Makanan IKONDESA@Putrajaya pada 10 dan 11 Januari 2026, bertempat di Souq Putrajaya, Presint 1, Putrajaya, dari pukul 10.00 pagi hingga 6.00 petang.

Festival ini menggabungkan konsep jualan secara hibrid yang menampilkan produk artisan dan komersial desa berkualiti tinggi, merangkumi kraf tangan, tekstil tradisional, produk makanan dan minuman, serta elemen kafe mini. Bertemakan **“Citarasa Warisan Malaysia”**, festival ini mengetengahkan pelbagai hidangan tradisional kegemaran rakyat seperti nasi lemak, soto, sate, mee kari Nyonya, aneka kuih tradisional dan cendol, yang bukan sahaja membangkitkan nostalgia, malah mencerminkan identiti budaya serta kepelbagaian warisan makanan negara.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir bagi menikmati hidangan tradisi tempatan serta menyokong produk makanan keluaran usahawan desa tempatan yang berdaya saing dan berkualiti tinggi. Maklumat lanjut boleh diperoleh melalui portal dan laman sesawang rasmi KKDW.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
9 Januari 2026



The poster features a light beige background with a subtle floral pattern. At the top center are the logos of the Malaysian government and the Ministry of Rural Development and Regional Administration. Below these is the IKONDESA logo, which includes a colorful circular emblem and the tagline 'Produk Desa, Citarasa Dunia'. The main title 'Festival Makanan IKONDESA@PUTRAJAYA' is displayed in a large, stylized red banner with white text. Below the title, the theme 'CITARASA WARISAN MALAYSIA' is written in a decorative font. The event dates '10 & 11 JANUARI 2026' and time '10:00 PAGI HINGGA 6:00 PETANG' are shown in a blue box, along with the location 'SOUQ PUTRAJAYA'. A central illustration depicts various Malaysian dishes: satay with peanut sauce, nasi lemak with rice, sambal, and a hard-boiled egg, a bowl of Mee Kari Nyonya, and a basket of assorted kuih. The bottom of the poster features a decorative blue and white border with logos for 'Visit Malaysia 2026 Truly Asia', 'MALAYSIA MADANI', and 'MAJLIS AMANAH RAKYAT'.

IKONDESA
Produk Desa, Citarasa Dunia

Festival Makanan IKONDESA@PUTRAJAYA

CITARASA WARISAN MALAYSIA

10 & 11 JANUARI 2026
10:00 PAGI HINGGA 6:00 PETANG

SOUQ PUTRAJAYA

ANEKA KUIH | SATE | CENDOL
NASI LEMAK & SOTO | MEE KARI NYONYA

Visit Malaysia 2026 Truly Asia | MALAYSIA MADANI | MAJLIS AMANAH RAKYAT